

RM50 juta tambah baik perumahan kakitangan kastam

Anwar janji beri lebih bonus hargai kejayaan cemerlang jabatan tahun lalu

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM50 juta bagi menambah baik perumahan warga kerja Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Perdana Menteri berkata, peruntukan itu ditambah RM30 juta, berbanding RM20 juta yang ditetapkan sebelum ini bagi tujuan berkenaan.

Beliau turut menjanjikan pemberian bonus lebih baik buat warga kerja JKDM selepas ini, susulan pencapaian membanggakan sepanjang tahun lalu.

Sepanjang 2023, JKDM mencapai kutipan hasil RM55.1 bilion, melepasi sasaran RM53.5 bilion dengan lebih RM1.6 bilion atau tiga peratus.

"Berikutan prestasi membanggakan JKDM, peruntukan awal RM20 juta ditambah kepada RM50 juta untuk kastam sahaja supaya perumahan mereka kita perbaiki," katanya berucap pada Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-42 di sini, semalam.

Anwar berkata, kerajaan juga akan mengutamakan projek perumahan baharu kepada penjawat awam, khususnya JKDM.

Walaupun kerajaan mahu projek perumahan disegerakan, Perdana Menteri berkata, ia perlu dilakukan mengikut proses tender.

"Kalau pergi kepada rundingan, 10 atau 20 peratus pasti bocor ke tempat lain manakala proses tender perlu dipatuhi tetapi boleh disegerakan atau dicepatkan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan bersedia menambah peruntukan jika ada keperluan bagi menjaga kebajikan penjawat awam itu, khususnya berpendapatan rendah.

Anwar berkata, kerjasama semua pihak penguat kuasa khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim



Anwar menyampaikan Anugerah Tokoh Kastam kepada bekas Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Subromaniam Tholasy pada Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-42 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadii Hamzah/BH)

Malaysia) penting dalam menangani kelompok rakus yang menyumbang kepada penyeludupan membabitkan barangan seperti minyak, rokok dan arak.

"Apabila hasil negara bertambah, wang dikutip itu mampu dikembalikan semula kepada rakyat melalui kemudahan asas seperti sekolah dan hospital.

"Kalau tiada peningkatan kecekapan dengan membiarkan ke-

tirisan, boros dan satu atau dua kelompok kecil memindahkan kekayaan untuk keluarga, tidak mungkin JKDM mampu mencatat perolehan kutipan membanggakan.

"Bagi unjuran tahun ini, saya yakin bukan saja mampu dicapai tapi boleh dilepasi," katanya.

Tahun ini, Kementerian Kewangan menetapkan sasaran kutipan JKDM RM56 bilion.